

# Siasatan lima pensyarah siap tiga bulan lagi

BH - 4 SEP 2001

ALOR STAR, fsnin - Siasatan terhadap lima pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM) yang dipercayai menghasut pelajar membenci kerajaan ketika kuliah, dijangka selesai dalam tempoh tiga bulan lagi.

Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Basri, berkata siasatan mengambil masa bagi mengumpul bukti kukuh serta kesibukan pelajar dan pensyarah dengan majlis konvokesyen pada Sabtu lalu selain peperiksaan.

Katanya, mengikut akta itu, mereka boleh dikenakan beberapa tindakan tatatertib seperti turun pangkat, penahanan kenaikan gaji atau dipecat jika didapati sah terbahit.

"UUM sudah menubuhkan sebuah jawatankuasa penyiasat untuk mengambil keterangan daripada saksi dan pensyarah itu sebelum menghadapkaa mereka ke Lembaga Tata-

tertib UUM." katanya.

Dr Ahmab Fawzi berkata, lima pensyarah itu belum dipanggil memberi keterangan kerana UUM tidak mahu mengganggu persediaan menghadapi peperiksaan.

Bagaimanapun, UUM sudah menghantar laporan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad.

Beliau berkata, jika Lembaga Tatatertib memutuskan hukuman pecat, kes itu perlu dibawa ke peringkat lebih tinggi iaitu Ketua Setiausaha Negaia.

Dr Ahmad Fawzi diminta mengulas laporan muka depan *Berita Harian* hari ini mengenai amaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pensyarah dan kakitangan universiti yang mempengaruhi pelajar menyertai gerakan menjatuhkan kerajaan akan disingkirkan.